

Arahan Penjagaan Selepas Biopsi Trucut Payudara(dengan atau tanpa Pemasangan Klip)

1. Teruskan pemantauan selama sejam selepas biopsi. Elakkan menggunakan tangan di bahagian biopsi sekurang-kurangnya selama 48 jam.
2. Jangan lakukan aktiviti berat sekurang-kurangnya selama 48 jam seperti aerobik atau bermain golf. Jangan berenang selama seminggu atau sehingga pemeriksaan oleh doktor anda.
3. Elakkan mandi selama 24 jam selepas biopsi. Pastikan tempat biopsi kekal kering semasa mandi.
4. Ketidakselesaian atau kesakitan ringan adalah perkara biasa, serta kemungkinan lebam kecil di bahagian biopsi.
5. Untuk menguruskan kesakitan atau ketidakselesaian, gunakan Paracetamol jika anda tidak alah kepadanya, atau ikut ubat yang telah ditetapkan oleh doktor anda. Jangan gunakan aspirin atau ubat yang mengandungi aspirin. Bagi pesakit yang mengambil terapi aspirin jangka panjang atau ubat antiplatelet/antikoagulasi lain (contoh: Clopidogrel, Warfarin, Apixaban, dll.), sila berbincang dengan doktor tentang bila untuk mula semula untuk makan ubat tersebut.
6. Jika terdapat pendarahan dari bahagian biopsi, tekan bahagian tersebut dengan kuat dan langsung selama 10 hingga 15 minit.
7. Pantau jika pendarahan berterusan walaupun telah menekan bahagian biopsi dengan kuat. Perhatikan jika terdapat kesakitan, bengkak atau demam. Hubungi klinik payudara dengan segera semasa waktu pejabat, atau pergi ke pusat kecemasan terdekat jika selepas waktu pejabat.
8. Untuk nasihat atau bantuan semasa waktu pejabat, hubungi Klinik Payudara di 6357 3755.



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://nhghealth.com.sg>

Department of General Surgery
PECC-GSD-ED-2025-2115M-v1

© Tan Tock Seng Hospital, Singapore 2025. All rights reserved. All information correct as of October 2025. No part of this document may be reproduced, copied, reverse compiled, adapted, distributed, commercially exploited, displayed or stored in a database, retrieval system or transmitted in any form without prior permission of Tan Tock Seng Hospital. All information and material found in this document are for purposes of information only and are not meant to substitute any advice provided by your own physician or other medical professionals.